



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, November 24, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM bantu tingkatkan KBAT pelajar MRSM Kota Kinabalu



Oleh: Rosmariny Rosli

KOTA KINABALU - Dalam usaha meningkatkan minat dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar dalam subjek sains, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil langkah proaktif menganjurkan program Outreach Le Tour of Science di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kota Kinabalu, Sabah melibatkan 139 orang pelajar Tingkatan Dua baru-baru ini.

Program diketuai Pensyarah Kanan Fakulti Sains UPM, Dr. Yap Wing Fen dan disertai 24 orang mahasiswa Bachelor Sains Kepujian Major Fizik, Fakulti Sains sebagai fasilitator.

Program bertujuan memupuk minat pelajar dalam bidang sains serta memberi pendedahan kepada mereka mengenai konsep pembelajaran melalui interaktif dan praktikal.

Dr. Yap berkata, soalan penilaian subjek sains dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebelum ini berfokuskan soalan objektif yang membolehkan pelajar meneka jawapan.

Katanya apabila Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) diperkenalkan baru-baru ini dan soalan dalam subjek sains lebih menjurus kepada soalan subjektif yang memerlukan pelajar memikirkan sendiri jawapan, pelajar menghadapi masalah terutamanya dalam soalan KBAT yang menguji kebolehan dan daya fikir.

"Menyedari masalah itu, kami berusaha membantu pelajar menyemai minat mendalam dan penghayatan sains kepada pelajar peringkat menengah rendah. Pendekatan berfokuskan pelaksanaan aktiviti secara hands-on dengan peserta diberi peluang menyaksikan, mengalami sendiri serta mempelajari konsep sains yang berlaku dalam kehidupan seharian," katanya.

Menurutnya antara slot yang berjaya menarik minat peserta adalah PokemonGo Sains. Aktiviti berbentuk explore race itu merangkumi 12 stesen (Pokestop Sains) yang menyediakan eksperimen dengan memberi peluang kepada peserta melihat, mendalami dan mempelajari secara langsung konsep sains yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.



Aktiviti lain termasuk Magik VS Sains, Dunia Sains, Eureka! yang merangsang dan memupuk pemikiran kreatif dan inovatif.

Pelajar UPM, Athir Aiman Sahar menyifatkan penganjuran program di luar bilik darjah seperti Le Tour of Science dapat membuka minda pelajar serta meningkatkan pemahaman terhadap ilmu yang dipelajari secara teori di dalam kelas.

"Melalui aktiviti yang disediakan sepanjang program, ia dapat menambahkan lagi minat pelajar untuk menerokai ilmu pengetahuan dalam bidang sains malah meningkatkan semangat ingin tahu berkaitan dunia sains," katanya.

Ketua fasilitator, Muhammad Zakwan Azizan, 21, berkata beliau teruja dan bertuah kerana diberi peluang menjadi fasilitator yang membolehkannya menyampaikan ilmu kepada pelajar.

"Saya juga dapat membantu pelajar untuk memahami konsep sains dengan betul, seterusnya merangsang pemikiran kreatif dan inovatif pelajar," katanya.



Guru Sains MRSM Kota Kinabalu, Hafizul Hanis Mohd Shahar, yang juga penyelaras program berkata, program itu memupuk KBAT pelajar dan boleh melonjakkan prestasi pelajar sekolah dalam PT3.

Peserta, Viona Ezravieeta Alferd, 14, berkata program itu dapat meningkatkan aras pemikiran dan minat terhadap mata pelajaran Sains sekali gus menanam semangat belajar apabila diberi tunjuk ajar oleh fasilitator semasa mengendalikan eksperimen.

"Saya suka slot menyiasat kes pembunuhan kerana dapat membantu saya berfikir di luar kotak, malah dapat menjadikan saya lebih kreatif", katanya.

Rakannya, Rosemary Anne Fernando, 14, berkata minatnya terhadap subjek sains bertambah selepas mengikuti program tersebut.

"Sains menjadikan kita lebih kreatif, inovatif dan hebat. Saya suka program ini serta semakin teruja untuk lebih mendalami ilmu mengenai sains," katanya. - UPM